

Rai ilmu norma baharu: Taufiq Yap


UB 21.11.2020 16

TATKALA pandemik COVID-19 saban hari terus mencatatkan kes baharu, pelbagai sesi perkongsian ilmu yang dilaksanakan Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui platform atas talian mencerminkan kesediaan UMS dalam meraikan dan menyebarkan ilmu dalam suasana norma baharu.

Terbaru, Syarahan Perdana Profesor Dr. Felix Tongkul yang bertajuk 'Earthquake Science in Malaysia: Status, Challenges and Way Forward' diadakan secara langsung melalui laman Facebook Rasmi UMS, ums official dan saluran YouTube UMS, UMS Net.



SYARAHAN: Prof. Dr. Felix Tongkul, Pengarah Pusat Kajian Bencana Alam Universiti Malaysia Sabah.



BUKU: Naib Canselor UMS, Prof. Datuk ChM. Dr. Taufiq Yap Yun Hin (kiri) menerima buku bertajuk 'Earthquake Science in Malaysia: Status, Challenges and Way Forward' daripada Prof. Dr. Felix Tongkul.

SECARA MAYA: Prof. Dr. Felix Tongkul menyampaikan syarahan perdana secara maya melalui platform laman Facebook UMS dan YouTube rasmi UMS, UMS Net.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk ChM. Dr. Taufiq Yap Yun Hin berkata, UMS akan terus melaksanakan amanah yang diberi tanpa mengenal erti putusasa, dalam menghadapi pandemik COVID-19.

"Bagi pihak pengurusan Universiti mengambil kesempatan merakamkan jutaan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak dalam menjayakan siri Syarahan Perdana buat julung kalinya secara dalam talian yang boleh diakses oleh siapa sahaja yang mempunyai capaian Internet

"Saya amat bangga dengan usaha ini yang saya kira sebagai salah satu langkah 'memasyarakatkan' Institusi Pengajian Tinggi khususnya di Sabah," katanya ketika menyampaikan ucapan perdana tersebut.

Tambah Taufiq, usaha itu harus menjadi pemangkin kepada banyak lagi aktiviti perkongsian ilmu Universiti-Masyarakat untuk dilaksanakan.

Dalam pada itu, ketika memperkenalkan penyampai syarahan perdana, Taufiq

berkata Prof. Dr. Felix yang merupakan Pengarah Pusat Kajian Bencana Alam UMS merupakan figura hebat dalam bidang geologi, dengan kepakarannya bukan sahaja diiktiraf di Sabah tetapi juga di peringkat nasional dan antarabangsa.

"Semenjak 30 tahun yang lalu, Prof. Felix telah membuat kajian mengenai evolusi geologi Sabah dan Sarawak dengan kerjasama penyelidik tempatan dan antarabangsa.

"Sejak tahun 1996, beliau juga telah terlibat dalam penyelidikan yang berkaitan dengan mempromosi warisan geologi dan landskap untuk geoplancongan di Sabah.

"Prof. Felix juga berperanan sebagai sumber rujukan dalam memberikan

maklumat terkini dan tepat mengenai bencana gempa bumi Ranau 2015, selain turut terlibat secara aktif dalam pendidikan gempa bumi di kalangan anak-anak sekolah di daerah Ranau dan daerah Lshad Datu," katanya.

Pada sesi syarahan perdana itu, Prof. Felix berkongsi tentang kajian dan status gempa bumi di Malaysia, cabaran dan hala tuju bidang sains gempa bumi dalam menghadapi bahaya dan risiko gempa bumi di Malaysia.

Turut hadir pada acara syarahan perdana tersebut Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS, Prof. Dr. Rased Mail dan Dekan Fakulti Sains dan Sumber Alam, Prof. Dr. Baba Musta.